

11/03/1998

Umno patut nilai politik dalaman

WALAUPUN bukan orang politik, tetapi persoalan di sekitar parti harapan orang Melayu, Umno, baru-baru ini membimbangkan juga. Nasihat Presiden parti supaya tidak diadakan pertandingan merebut jawatan ketua bahagian di Kelantan mencetuskan pelbagai reaksi. Walaupun tidak secara terus terang, ada yang melihatnya sebagai restu mengekalkan penyandang jawatan atas alasan menghindarkan perpecahan, dan ada yang melihatnya sebagai kekangan kepada proses demokrasi dalam parti. Kenyataan ahli parti, terutama pemimpin berjawatan, tidak juga sekata. Ketua Pemuda sebagai mewakili generasi muda melihat Umno akan beku (fossilised) tanpa pemilihan, sementara ketua bahagian lama pula tidak senang dengan cabaran yang lebih muda.

Bukan saja di peringkat bahagian, di peringkat cawangan lebih teruk. Budaya kesantunan Umno zaman permulaan sudah mula dilupakan. Menurut Ketua Pemuda budaya bersengketa secara fizikal yang selalu dilihat pada 'rakan pintar' Umno satu masa dulu menular kepada Umno sendiri. Mungkin orang melihatnya sebagai menyelesaikan persoalan saja, iaitu keganasan atas soal kecil seperti senarai ahli yang sudah atau belum menjelaskan yuran. Namun besar kemungkinan ia dicetuskan rasa tergalang atau frustrasi yang tinggi, iaitu soal menuntut hak. Bukan saja ia mencerminkan tahap ketinggian politik yang sudah dirasakan ahli Umno, tetapi pertaruhan (stake) yang tinggi diperjuangkan oleh kedua-dua pihak bertelagah.

Walaupun sudah lama dibangkitkan dan sekarang seperti sudah dikuburkan, namun politik wang juga menjelma semula menjelang mesyuarat bahagian dan cawangan Umno.

Umno belum begitu tua, usianya baru setengah abad, tetapi perjuangan asal Umno mula kabur kepada penglihatan ahli. Ini tidak bermakna perjuangan Umno tidak berubah, ia berubah mengikut visi pemimpin serta realiti yang dilihat oleh ahlinya pada satu-satu ketika.

Matlamat asal mesti disesuaikan dengan matlamat semasa, kerana yang asal itulah yang menjadikan Umno organisasi kental lagi kukuh. Matlamat semasa tidak akan tercapai tanpa matlamat asal itu terlaksana. Matlamat asal ialah menyatupadukan orang Melayu bagi kesejahteraan mereka. Pada zaman permulaan, persatuan ialah wahana bagi menentang rancangan Inggeris menghapuskan hak orang Melayu atas tanah airnya sendiri. Atas dasar bersatu padulah maka sesuatu itu diperjuangkan: Kemerdekaan, penebusan maruah bangsa, pendidikan dan bahasa kebangsaan, kebebasan daripada kemiskinan, kedudukan ekonomi dan lain-lain.

Dalam sejarahnya Umno berjaya mengatasi beberapa krisis, tetapi Alhamdulillah dengan berpegang teguh pada matlamat asalnya, iaitu bersatupadu, krisis itu dapat dikemudikan dengan selamat. Penarikan Datuk Onn Jaafar daripada kepemimpinan Umno menjadi contoh yang jelas dan patut direnungi oleh ahli Umno, kerana walaupun ia membabitkan pucuk pimpinan yang membawa visi 40 tahun kemudian memperlihatkan sekurang-kurangnya falsafah kestabilan nasional, namun ketika itu tidak sesuai dengan matlamat asal dan perjuangan orang Melayu menentukan nasibnya.

Datuk Onn mencadangkan Umno membuka keahliannya kepada bukan Melayu kerana mendengar nasihat Inggeris kemerdekaan akan lebih senang dan lekas diberikan jika orang bukan Melayu menyertai gerakan politik. Namun ahli Umno menolak gagasan Datuk Onn dan dia mengundurkan diri dan menubuhkan 'Independence of Malaya Party'.

'Nasihat' Dr Mahathir berlandaskan pengalaman apabila perpecahan Umno

membubarkannya dari segi undang-undang dan terpaksa ditubuhkan Umno Baru. Kesannya lama, pengalamannya pahit dan parutnya kekal walaupun Semangat 46 rujuk semula kepada Umno. Namun apa yang dinasihatkan Dr Mahathir memang dibiarkan terbuka, kerana apa yang dibangkitkan Ketua Pemuda ada kebenarannya juga. Umno tidak boleh dilihat sebagai organisasi beku dan suaka bagi pemimpin lama yang cuma ingin mempertahankan kedudukannya. Jika dalam perkhidmatan kerajaan, banyak yang sudah menganggotai POP, atau Persatuan Orang Pencen.

Seperti kata Dr Mahathir: "Seperti menarik rambut dalam tepung, rambut dikeluarkan tetapi tepung tidak berselerak." Namun, masalah yang dihadapi Umno mesti dicari penyelesaian, tidak boleh dibiarkan membengkak dan menanah. Walaupun perpaduan adalah segala-galanya, namun Umno mestilah dinamik dari segi perjuangannya, bukan seperti jentera lama yang walaupun menggerakkan kapal, tetapi perlahan, seperti kereta lembu, sejam sebatu! Perhimpunan Umno sendiri banyak menimbulkan kritik: Ia menjadi medan pidato kosong, memuja pemimpin, tetapi hambar dari segi idea dan meneroka isu politik, sosial dan budaya. Ia adalah manifestasi budaya politik Umno sekarang: Lebih penting mendapatkan 'patronage' orang atas daripada menganggotai perhimpunan Umno sebagai mini parlimen Melayu.

Masalah di depan bukan penyakit sebenar, tetapi petanda kepada penyakit yang dihadapi Umno. Kita boleh rawat petanda secara 'ad hoc', tetapi lebih mujarab jika kita kesani penyakitnya. Bersangkutan pemilihan ketua bahagian, gagasan Ketua Pemuda supaya pemilihan dibenarkan pada bahagian yang memerlukan perubahan memang baik. Tetapi masalahnya, siapa yang seharusnya menentukan sama ada bahagian itu memerlukan perubahan? Saya rasa persoalannya bukan bahagian atau cawangan yang terbabit, tetapi pemimpinnya. Sejak zaman permulaan, bukan saja pemimpin mengalami perubahan, bahkan persepsi ahli terhadap pemimpin juga berubah. Mungkin inilah penyakitnya.

Saranan Komentari A Nazri Abdullah (BM, 15 Februari 1998), iaitu perlu diadakan 'kriteria pemimpin' bagi Umno sangat jitu. Walaupun disaran dalam konteks pemilihan kepemimpinan di peringkat bahagian dan cawangan, namun ciri ketara seperti mempunyai ilmu dan sifat terhormat, berwibawa, berhemah tinggi (tidak sombong, bongkak, pemaarah dan berkepentingan diri) adalah relevan bagi pemimpin umumnya. Tetapi seperti yang diperingatkan Nazri, ramuan itu tidak mencukupi bagi dunia politik kalau tidak ada 'political acumen', iaitu kelebihan mencari pengaruh. Mungkin dengan kelebihan ini, 'peniaga gerai nasi' boleh terpilih, 'maka politiking dalam Umno pun akan menjadi bertambah bodoh dan memalukan'.

Jika zaman permulaan menyaksikan pemimpin berjuang untuk mencapai matlamat parti yang memperjuangkan cita-cita Melayu dan tidak untuk diri sendiri, baik dari segi mengekalkan kedudukan mahupun mengumpulkan harta, pemimpin zaman pembangunan ini dilihat sebagai menggunakan kedudukan dan kuasa untuk memperkayakan diri. Ini jelas dalam kes yang membabitkan pemimpin politik dengan rasuah dan salah guna kuasa, termasuk skandal moral: kekayaan material seperti rumah bak istana, koleksi kereta mewah, membeli-belah di Paris atau London, anak bersekolah di luar negara dan lain-lain lagi.

Salahkah jika persepsi menjadi pemimpin politik adalah jalan ke arah kuasa, glamour dan kekayaan? Walaupun Dr Mahathir sendiri memberi amaran janganlah menceburi politik kerana tamakkan kuasa dan harta, kerana itu bukannya cara perjuangan politik luhur dan ikhlas, namun ia sudah menjadi satu budaya.

Ia timbul daripada ahli politik sendiri. Terpulanglah kepada yang jujur dan ikhlas memperbetulkan landasannya. Khususnya pemimpin dan ahli Umno, kembali kepada perjuangan asal parti itu dengan budaya politik yang dibawanya ketika itu, memperjuangkan ideal parti dan bukan kepentingan

diri.

Dalam konteks hari ini, ia boleh dimulakan dengan menggaris beberapa panduan sebagai `kriteria memilih pemimpin dalam Umno, seperti gagasan A Nazri. Sesuai dengan zaman sains dan teknologi, kriteria itu harus di `quantify' dan jelas. Harus dikira `tolak dan campur' sumbangannya yang konkrit terhadap kesejahteraan orang Melayu. Kalau pimpinan itu dilihat sebagai terbabit dengan kehilangan tanah simpanan Melayu, atau tidak berbuat sesuatu menaikkan taraf ekonomi Melayu walhal ia mempunyai kuasa melaksanakannya, ataupun ia didapati melebihkan sanak saudara dan konconya saja dalam skim yang boleh membantu orang Melayu, pemimpin seperti itu haruslah diundurkan. Kepura-puraan juga patut diambil perhatian, kerana ada pemimpin yang di depan khalayak Melayu lain, di belakang lain. Hari Raya dan Jumaat berpakaian Melayu sedondon, tetapi kediamannya di atas bukit bernama `Wuthering Heights', dan bukan `Puncak Sunyi' atau `Hinggapan Bayu'.

Hempas pulas pemimpin tertinggi Umno cuba membawa balik Umno kepada landasan asal menyatupadukan orang Melayu sementara melaksanakan program memberi tempat yang terhormat kepada mereka di tanah air sendiri, tetapi tanpa sokongan pemimpin sokongan dan ahli Umno sendiri, jangan hendak berdepan dengan tekanan pihak luar, bahkan hendak berdialog dengan rakan pintar dalam Barisan Nasional sendiri akan menjadi masalah.

(END)